

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
6. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

NO. KAD PENGENALAN

							-			-			
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata sendi nama. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata sendi nama tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Cukai pendapatan individu atas keuntungan perniagaan bukan hanya dikenakan kepada mereka yang berniaga secara tetap atau sambilan, malahan juga mereka yang berniaga secara konvensional atau secara dalam talian. Profesion seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri turut dikenakan cukai. Selain itu, terdapat beberapa kerjaya yang dikenakan cukai di bawah kategori Individu Berpendapatan Perniagaan, iaitu pempengaruh (*influencer*).

Dipetik dan diubah suai daripada
'Generasi Muda dan Cukai Pendapatan'
Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Dewan Siswa, Bil. 5/2023

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat dalam petikan ini dengan menggunakan kata hubung yang sesuai untuk dijadikan petikan baharu yang hanya mengandungi tiga ayat majmuk.*

Industri makanan sejuk beku semakin berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan. Industri ini menjadi pilihan warga Malaysia pada masa ini. Makanan sejuk beku mempunyai harga yang berpatutan. Makanan sejuk beku mudah disediakan. Kaedah sejuk beku ini bukan sahaja mampu menghalang pertumbuhan mikroorganisma dalam makanan. Kaedah sejuk beku ini juga merupakan salah satu cara pengawetan makanan tanpa melibatkan bahan kimia pada suhu negatif 18 darjah Celsius.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mempunyai pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.*

Bahan 1

Ketupat adalah makanan yang dibuat daripada beras nacin dan beras pulut yang dimasak di dalam kelongsang daun kelapa yang dianyam dan dikenali sebagai ketupat nasi atau ketupat pulut. Ketupat nasi dibuat dengan memasukkan beras ke dalam lipatan daun kelapa, kemudian direbus hingga beras kembang dan padat. Sementara itu, ketupat pulut kebiasaannya terdapat di utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Beras pulut, santan dan garam dimasak hingga separuh masak, kemudian dibalut oleh daun palas dan direbus hingga masak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu,
Dewan Bahasa dan Pustaka

[5 markah]

Bahan 2

**PENCARIAN MURID
PINTAR DAN BERBAKAT**

Program Pencarian Murid Pintar dan Berbakat dilaksanakan oleh Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada setiap tahun. UKM mensasarkan pencarian ini kepada murid yang berumur di antara 8 hingga 15 tahun di seluruh negara. Saringan bagi mengenali murid pintar dan berbakat ini meliputi Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3.

Bagi kemasukan Program Pintar dan Berbakat, murid-murid perlu melepasi Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3 sebelum ditawarkan ke Program Pendidikan Menengah Pintar dan Berbakat. Setiap tahun, ujian UKM1 dilaksanakan secara atas talian daripada 1 Februari hingga 31 Mei.

Anda
yang kami
carikah?

Sila imbas QR Kod



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirinyalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggu; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung.”

Dipetik daripada
‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Taufik lahir dalam keluarga yang miskin dan serba kekurangan bak kata peribahasa _____ (i) _____. Pendapatan ayahnya sebagai seorang nelayan tidak menentu dan bergantung pada rezeki hari berkenaan, malah kadang-kadang ayahnya pulang dengan tidak membawa apa-apa hasil tangkapan. Keadaan ini dapat diibaratkan dengan peribahasa _____ (ii) _____. Demi cita-cita untuk mengubah nasib keluarga, ayah Taufik telah mengikuti kursus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Akhirnya, berkat daripada usaha gigih mereka sekeluarga, kini kehidupan mereka semakin senang sehingga berjaya membuka kedai yang berasaskan produk laut. Situasi tersebut sangat bertepatan dengan peribahasa _____ (iii) _____.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Ikan *Flower Horn* merupakan sejenis ikan hiasan yang digemari di Malaysia dan berasal daripada keluarga *Cichlidae*. Kacukan antara *Flower Horn* terbukti menghasilkan baka yang cukup baik kualitasnya dengan ciri-ciri tertentu dari aspek warna dan keindahan bentuk. Salah satu faktor yang mempengaruhi perubahan warna ikan *Flower Horn* ialah faktor genetik dan pemberian bahan kimia tertentu. Perubahan warna, perkembangan bentuk dan keadaan sisik mutiara ikan *Flower Horn* yang amat unik sekali menyebabkan pembeli rambang mata ketika membuat pilihan.

Sumber: <https://muhammadaimanfarhan.wordpress.com>

Bahan 2

Corydoras merupakan sejenis ikan hiasan air tawar yang diminati pencinta ikan hiasan dan mempunyai permintaan yang tinggi oleh peminat ikan hiasan di luar negara. Selain berfungsi sebagai ikan hiasan air tawar, ikan ini juga dapat dimanfaatkan sebagai bahan untuk pembuatan kosmetik di negara maju. Ikan yang telah lama dibawa masuk ke Malaysia ini berasal dari Amerika Selatan dan saiznya boleh mencapai 12 sentimeter. Ikan ini juga mudah dijaga kerana dapat hidup di dalam air kolam yang mempunyai kandungan oksigen yang rendah. Keadaan suhu yang sesuai untuk ikan ini adalah antara 21.5 hingga 28.0 darjah Celsius.

Sumber: <https://www.belangtarung.com.my>

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan dua faktor yang boleh mempengaruhi perubahan warna ikan *Flower Horn*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kelebihan yang dimiliki oleh kedua-dua jenis ikan hiasan ini?

[3 markah]

- (iii) Sektor ikan hiasan mampu menjanakan pulangan yang lumayan. Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir bin Mohd Nawi, sektor ini menjana pulangan bernilai RM340 juta kepada jumlah pendapatan negara. Terdapat 548 orang pengusaha dan 1 433 orang pekerja yang terlibat dalam industri ini.

Nyatakan cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi untuk memajukan industri ikan hiasan di Malaysia.

[3 markah]

- (iv) Aiman memiliki sebidang tanah yang berpotensi untuk dijadikan kolam ternakan udang harimau. Oleh sebab itu, dia berhasrat untuk mengusahakan penternakan udang harimau memandangkan lokasi tanahnya yang berhampiran dengan sungai dan laut. Tambahan pula, udang harimau kini semakin laris di pasaran kerana mempunyai permintaan yang tinggi.

Sebagai salah seorang ahli keluarga Aiman, nyatakan cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada Aiman untuk merealisasikan hasratnya tersebut.

[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Perindu Mutiara

Aku seperti perindu mutiaraku
sentiasa dibayangi keindahan
sentiasa dikhayalkan nostalgia lalu
menyusuri jalan dan lorong
sarat menyimpan sejarah negara bangsa
antara timur dengan barat
antara moden dengan tradisi
kurangkul dalam rindu tak bertepi.

Aku seperti perindu mutiaraku
mengunjungimu buat sekian kali
menyantuni keindahan lahir dan batin
menjiwai denyut jantungmu
membelai kemewahan
mengagumi pembangunan
mendakap akal budi
walau tetap di tempat yang sama
walau masa berubah rasa tetap sama.

Akan tetapkah aku menjadi perindu?
ingin mengunjungimu buat sekian kali
akan kembalikhah aku?
atau
akan bernoktah di sinikah rinduku?

Zuhaa Zayyan,
Tanjung Bungah, Pulau Pinang,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

“Buatlah sesuatu daripada sesuatu,” kata Pengurus Halloway, keras nadanya seakan-akan mengarah. Waheeda rimas memikirkan jika dibuat estetik etnik, Singapura bukan tempatnya memandangkan kurang warisan alam semula jadi dan etnik pun tidak banyak di Pulau Temasik ini. Majoriti etnik dan kebudayaan Cina, sedikit kebudayaan Melayu, dan sedikit India, apa yang harus dibuat? Waheeda melingkas mencari idea. Kalau setakat persembahan *lion dance*, cingge dan opera Cina, lebih elok pergi ke Hong Kong, pernah seorang pelancong dari Eropah menyuarakan pendapat. Waheeda rimas memikirkan aktiviti lain yang seharusnya ‘berbau Singa’. Di sini biarlah pelancong diberi peluang berbelanja sakan membeli-belah. Masukkan juga lawatan ke pasar seni, muzium kraf, pameran artifak, taman-taman tema, taman seni arca, akuarium, planetarium, muzium artifak dan kawasan landskap budaya.

Dipetik daripada novel *Tirani*
oleh Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, mengapakah sukar untuk Waheeda merancang aktiviti pelancongan yang berkonsepkan estetik etnik di Singapura?
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah keistimewaan melancong di Pulau Mutiara dan Singapura?
[3 markah]
- (iii) Pelancongan merupakan penyumbang kepada ekonomi negara. Arkeopelancongan atau pelancongan berasaskan tapak warisan sejarah telah mula diperkenalkan di negara ini, namun kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mempopularkan destinasi tapak warisan sejarah di Malaysia?
[4 markah]
- (iv) Pelancongan hijau menyebarkan mesej penting bagi melestarikan alam sekitar. Namun, kepentingan konsep pelancongan hijau ini kurang disedari apatah lagi diamalkan oleh masyarakat Malaysia.
Sebagai pelancong hijau, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan apabila anda berada di salah sebuah tempat pelancongan supaya dapat dicontohi oleh orang lain?
[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kenapa kita hidupkan lampu tuju di luar rumah walaupun kita tidak berada di rumah? Kenapa kita berikan cahaya terang kepada jalan-jalan yang jarang diguna orang?”

“Kerana kegelapan mengundang jenayah. Perkara jahat berlaku dalam gelap seperti kecurian, rompakan dan maksiat,” terang Dato’ Johann.

Wajah Nurul Hafsa itu tiba-tiba seperti dilanda ilham dan sepantas kilat dia menjawab.

“Dato’ Johann, ada lampu atau tiada lampu tidak mempunyai kaitan dengan kadar jenayah. Kawalan, penguatkuasaan dan pemantauan pihak berkuasalah yang dapat menurunkan kadar jenayah,” Nurul Hafsa menjawab penuh yakin.

“Polis tidak boleh berada pada semua tempat pada setiap masa,” Dato’ Johann membidas.

Di samping itu, langkah-langkah kawalan untuk mengelakkan aktiviti jenayah juga sepatutnya diambil sebelum jenayah itu berlaku. Misalnya, pasangkan gril dan kunci rumah dengan baik. Elakkan daripada melalui jalan-jalan sunyi. Elakkan keluar malam,” Nurul Hafsa mengukuhkan hujahnya.

Dipetik daripada novel *Bimasakti Menari*
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menurunkan kadar jenayah?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Baru-baru ini, negara kita khususnya di Lembah Klang mengalami cuaca panas yang luar biasa. Pada siang hari, matahari memancar terik dan pada sebelah malam pula, cuaca panas diikuti dengan bahang yang merimaskan dan mengganggu tidur banyak orang. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan fenomena cuaca panas yang melanda Malaysia ini akan berlanjutan sehingga September 2020. Fenomena ini berlaku ekoran daripada pemanasan global yang berlaku di seluruh dunia.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pemanasan global. Satu daripadanya ialah aktiviti manusia, iaitu perkembangan dalam bidang perindustrian, perdagangan dan penggunaan mesin. Tanpa disedari, alam sekitar terpaksa menanggung kesan buruknya. Aktiviti pertanian dan penternakan tanpa kawalan turut menjadi punca kepada permasalahan ini. Tidak dinafikan juga faktor semula jadi iaitu letusan gunung berapi turut menjadi punca isu ini.

Jelaslah bahawa langkah yang proaktif perlu diambil bagi menangani isu ini. Sekiranya dibiarkan, dunia akan menerima kesan buruk akibat daripada pemanasan global yang tidak terkawal ini. Antaranya, kawasan tropika mungkin mengalami pertambahan suhu panas melampau berbanding sebelumnya. Menurut kajian juga, penduduk dunia akan terdedah kepada masalah kemarau yang buruk ekoran daripada cuaca panas yang berpanjangan ini.

Oleh itu, isu pemanasan global kini menjadi perhatian utama oleh semua pihak. Dalam hal ini, dunia hanya mampu diselamatkan sekiranya manusia sayang akan bumi. Amaran demi amaran yang dikeluarkan oleh penyelidik dan saintis di seluruh dunia seharusnya dibawa ke meja rundingan yang melibatkan semua pemimpin dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dunia Semakin Tenat'
oleh Azimah Ismail,
Dewan Siswa, Oktober 2020

Bahan 2**PEMANASAN GLOBAL ISU SEJAGAT**

Penghasilan tenaga elektrik di pusat-pusat penjanaan tenaga elektrik yang melepaskan gas karbon dioksida



Pembebasan asap oleh kenderaan bermotor yang menggunakan bahan api fosil (petroleum)



Pembakaran dan penerokaan hutan untuk membuka kawasan pertanian baharu

Bahan 3

Peningkatan aras laut akibat pencairan ais di kutub

Mengancam sumber makanan dunia

Meningkatkan risiko pelbagai penyakit berkaitan haba

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

